

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan menjelaskan perkembangan polisi Kementerian terhadap isu projek-projek terbengkalai dan inisiatif Kementerian dengan kerajaan negeri mengenai isu tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengkaji dan menyemak dasar/polisi serta mengambil pelbagai inisiatif untuk mengatasi masalah projek perumahan swasta terbengkalai. Dasar ini perlu bagi memastikan objektif Kementerian tercapai melalui perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan projek perumahan terbengkalai sebagai asas-asas bagi memandu, mengurus dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan industri perumahan yang mapan (*established*) dan mampan (*sustainable*).

2. Antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kementerian dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 449

- a. Menjalankan kajian awalan bagi kebolehlaksanaan pemuliharaan atau menyelesaikan projek-projek perumahan swasta terbengkalai;
- b. Melaksanakan kaedah pemuliharaan melalui :
 - i) **Pemuliharaan menggunakan dana kerajaan** iaitu bagi projek yang memenuhi kriteria keutamaan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (harga rumah di bawah RM70,000) di mana pemuliharaan dibuat melalui pelantikan kontraktor penyelamat secara tender terbuka dalam kalangan syarikat yang lulus pra kelayakan KPKT. Pembayaran pula akan dibuat secara pukal setelah projek siap dipulihkan dengan CFO (Sijil Kelayakan Menduduki) atau CCC (Perakuan Siap dan Pematuhan); atau
 - ii) **Pemuliharaan tanpa dana kerajaan** dengan mendapat persetujuan para pembeli terlebih dahulu iaitu :
 - a. Meneruskan pemuliharaan berdasarkan kelulusan atau perintah mahkamah sehingga siap dengan CFO atau CCC; atau
 - b. Penyelesaian melalui kaedah pemulangan deposit / wang; atau
 - c. Penyelesaian melalui kaedah penukaran cadangan pemajuan;
- c. Bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai melalui pendekatan sebagai pemudahcara / *mediator* / *fasilitator* bagi mencari kaedah

NO SOALAN : 449

pemulihan atau penyelesaian projek yang terbaik demi membantu para pembeli yang teraniya;

- d. Mengadakan mesyuarat kerjasama pintar atau *smart partnership* secara berkala dengan YB Exco Perumahan Kerajaan Negeri yang terlibat di samping mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Lembaga Perumahan atau Bahagian Perumahan Negeri yang berkaitan;
- e. Bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia / pelikuidasi swasta di mana Kementerian bertindak sebagai pemudahcara bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan PBT, agensi teknikal serta pihak pembiaya (institusi kewangan);
- f. Mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun ke atas pemaju-pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan peraturan yang terkandung di dalam Akta 118; dan
- g. Mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan dan jualan. Senarai pemaju-pemaju terbengkalai yang disenarai hitam juga dipaparkan dalam laman sesawang Kementerian untuk rujukan pembeli dan *stakeholders* yang lain.

Sekian, terima kasih.